

'Jika semua motif politik, tak bolehlah siasat pemimpin'

Anwar tegaskan tak campur tangan kes babit Presiden BERSATU

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan jika semua kes pemimpin politik disiasat atau dihadapkan ke mahkamah dilabel bermotifkan politik, ia bermakna pihak berkuasa tidak lagi boleh mengambil tindakan andai ada pemimpin politik disyaki terbit rasuah selepas ini.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, adalah tidak benar untuk pihak tertentu mendakwa semua kes membabitkan pemimpin parti politik yang disiasat atau dihadapkan ke mahkamah adalah bermotifkan politik.

"Untuk mengatakan semua kes yang diambil (pemimpin politik disiasat pihak berkuasa) itu ada motif politik, maknanya tak bolehlah (siasat pemimpin politik), tangkap (jika ada) kes-kes rasuah lain (babit pemimpin politik) yang besar-besarnya, semua lepas?," soalnya.

Beliau menjelaskan demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan perasmian Festival Taman Kuala Lumpur 2023



di sini, semalam ketika ditanya berkaitan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Tan Sri Muhyiddin Yassin dan parti diterajui bekas Perdana Menteri itu.

Perdana Menteri turut mengulangi penegasannya sebelum ini bahawa beliau tidak campur tangan dalam kes membabitkan Presiden BERSATU merangkap Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu yang semalam yang dipanggil SPRM untuk memberi keterangan, dipercayai berhubung kes salah guna dana awam.

Naraun, Anwar mengakui memang ada memberi arahan kepada semua agensi berkaitan, termasuk SPRM dan Peguam Negara supaya bertindak terhadap kes yang disyaki ada kaitan dengan salah guna kuasa dan ketirisan dana kerajaan.

"Urusan berkenaan adalah di bawah bidang kuasa SPRM, tengok kes. Saya tidak campur, tetapi saya beritahu semua agensi

termasuk SPRM dan Peguam Negara, tengok kes. Jadi orang setuju atau tak setuju, (kena) tengok kes, apa pendakwaannya, apa pertuduhannya," katanya.

Dalam kes Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh dipanggil SPRM untuk memberi keterangan, Anwar berkata, belum ada apa-apa keputusan dimaklumkan kepada umum mengenai perkara itu setakat ini.

"Belum tahu apa keputusan setakat ini, (Muhyiddin) hanya dipanggil. Sebab itu saya kata kena lihat dulu ada kes atau tidak, ini urusan SPRM. Sampai sekarang saya tak tahu apa akhirnya," katanya.

Justeru, beliau mengajak semua pihak yang mahu negara bersih daripada rasuah, harus melihat kes berkaitan gejala itu secara satu persatu, sama ada setiap kes itu benar-benar pendakwaan politik atau berdasarkan fakta.

"Yang saya sebut selama ini, Jana Wibawa (Program Jana Ekonomi Pemerikasaan Kontraktor Bumiputera Berwibawa), tebatan banjir, itu berdasarkan dokumen Kementerian Kewangan, bukan (dari) SPRM atau Jabatan Peguam Negara," katanya.

Ini kali kedua Muhyiddin dipanggil memberi keterangan mengenai Jana Wibawa oleh SPRM selepas kali pertama pada 18 Februari lalu dan bekas Perdana Menteri ketika itu menegaskan beliau dipanggil sebagai saksi, bukannya suspek.